



Pertandingan Reka Cipta Logo

**Zoo & Taman Burung
Melaka**

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

**Hadiah Utama
RM3000**

**Saguhati 2-6
RM200**



Penghantaran hasil karya logo
dalam bentuk:

Softcopy



Hardcopy (Berwarna)
(Saiz A4)



Pada atau sebelum



4.00 petang

Penyertaan perlu dihantar kepada:

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
SF-01, Aras 2, Kompleks Melaka Mall, Jalan Tun Abdul Razak - Lebuhraya Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06-232 3773 Faks: 06-232 2778

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Jabatan Korporat dan Pembangunan Ekonomi (ext: 175 / 176 / 117)

BORANG PENYERTAAN

A. BUTIRAN PESERTA

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

.....

No. Telefon Bimbit: Emel:

B. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa idea, konsep dan penerangan berkaitan logo yang saya peroleh serta karya logo yang saya sertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini dan akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab ke atas segala tuntutan atau apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo ini.

Tarikh:	Tandatangan:
---------	--------------

C. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh terima:	Pengesahan:
----------------	-------------

***Nota: Borang penyertaan hendaklah dilampirkan bersama hasil karya logo (softcopy format Adobe Illustrator & JPEG dalam bentuk CD dan hardcopy). Penghantaran melalui emel tidak diterima.**

SYARAT PERTANDINGAN
REKA CIPTA LOGO ZOO & TAMAN BURUNG MELAKA
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

1. Reka bentuk logo mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang dianggap sensitif dan boleh menyinggung sensitiviti mana-mana pihak.
2. Reka bentuk logo perlu diberikan penekanan mengikut “*Wildlife Meets Nature*” disamping mengambil kira aspek konservasi/ pemuliharaan.
3. Setiap reka cipta logo hendaklah mempunyai unsur dan elemen gabungan Zoo Melaka dan Taman Burung Melaka.
4. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan juga akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
5. Logo hendaklah dihasilkan menggunakan **kertas bersaiz A4 (ukuran 210 mm x 297 mm)** berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal atau *mounting board* dan juga dihantar bersama **softcopy** menggunakan format *Adobe Illustrator* (A.I.) atau JPEG dengan resolusi minimum adalah **1280 x 960** atau menggunakan *software* terkini yang bersesuaian melalui CD.
6. Keterangan atau penjelasan mengenai reka bentuk logo, simbol serta warna yang digunakan hendaklah diberikan.
7. Reka bentuk logo hendaklah ringkas, menarik, jelas, dan kemas.

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia.
2. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
3. Idea, konsep dan penerangan berkaitan logo dan tema yang diperoleh serta hasil karya logo dan tema yang disertakan dalam pertandingan ini adalah hasil usaha sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain mahupun dari luar negara.
4. **Semua logo ciptaan peserta yang diterima oleh Urus Setia Pertandingan Reka Cipta Logo Zoo dan Taman Burung Melaka akan menjadi hak milik Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya sepenuhnya dan peserta tiada hak ke atas logo tersebut selepas pertandingan ini.**
5. **Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.**

6. Penyertaan akan **DIBATALKAN** secara serta-merta jika peserta melanggar peraturan ini dan akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo ini.
7. Pastikan di sebelah atas kiri sampul tertulis '**Pertandingan Reka Cipta Logo Zoo & Taman Burung Melaka**'.

BENTUK PENILAIAN

- a. Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima daripada peserta yang menyertai pertandingan ini.
- b. Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap reka bentuk dan penjelasan reka bentuk logo yang dihantar kepada Urus Setia Pertandingan.

PANEL PENILAI

- a. Penilaian akan dibuat oleh **satu Jawatankuasa Penilai** yang dibentuk oleh Pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
- b. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
- c. Panel Penilai Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya berhak untuk **membatalkan penyertaan** sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- d. Panel Penilai Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya juga berhak untuk mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo sekiranya perlu.
- e. **Logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.**

HADIAH

- a. Pemenang akan menerima wang tunai seperti berikut:-

- **Pertama : RM 3,000**
- **5 Saguhati : RM 200**

Pemenang juga akan menerima tiket masuk Zoo Melaka dan Taman Burung Melaka (2 dewasa dan 2 kanak-kanak)

- c. Semua pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon atau surat. Nama pemenang turut akan dimuatnaik di dalam laman sosial Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
- d. Majlis penyampaian hadiah akan dilakukan dalam satu majlis yang akan dimaklumkan kemudian.